



## GARIS PANDUAN MENGEMUKAKAN PELAN REKABENTUK LAMPU JALAN AWAM

**No. Fail** : .....

**Tajuk Projek** : .....

.....

.....

.....

.....

**Pemaju / Pemilik** : .....

**Jurutera Perunding** : .....

### PELAN LAMPU JALAN

Perkara yang perlu dikemukakan di dalam Pelan Lampu Jalan Awam.

	Menunjukkan pelan kunci, pelan lokasi (terkini) dan pelan tapak serta mewarnakan / menandakan kawasan-kawasan tapak cadangan dan menunjukkan dengan jelas di dalam pelan kawasan pembangunan dan lot-lot bersebelahan.
	Menunjukkan dengan jelas sempadan <b>Majlis Perbandaran Selayang</b> dengan Pihak Berkuasa Tempatan yang bersebelahan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Daerah Hulu Selangor dan Majlis Daerah Kuala Selangor.
	Pelan yang dikemukakan hendaklah selaras dengan pelan tatatur / Kebenaran Merancang (DO) yang dikemukakan kepada Jabatan Perancang Bandar, Majlis Perbandaran Selayang.
	Jarak (meter) antara lampu hendaklah dinyatakan di dalam pelan.
	Hendaklah mengosongkan pada sebelah kanan bahagian pelan (15cm X 11cm)
	Lampu yang digunakan adalah daripada jenis "High Pressure Sodium Vapour" dan pemegang lampu jalan hendaklah dari jenis 'kuprum'.

## PEMASANGAN LAMPU JALAN MENGIKUT KUASA ADALAH SEPERTI BERIKUT :

	Persimpangan Jalan Utama (rizab jalan 132') adalah berkadar 400 Watt.
	Jalan Utama (rizab jalan 66'-100') adalah berkadar 250 Watt.
	Jalan Perumahan (rizab jalan 40'-50') adalah berkadar 150 Watt. Mempunyai pelindungan mentol jenis berprisma.

## PETI PEMBEKAL LAMPU JALAN

	Peti pembekal lampu jalan hendaklah dicat dengan warna spesifikasi MPS dan ditulis : (Rujuk di Lampiran 3)  <u>NAMA PEMAJU</u> , <u>Kegunaan</u> , <u>Nama Jalan</u> , <u>Cadangan penandaan Kod</u>
	Setiap peti pembekal lampu jalan dilengkapi dengan tingkap cermin bagi tujuan bacaan meter TNB.
	Peti pembekal lampu jalan awam hendaklah mempunyai <u>lampu pendafloor</u> dan mempunyai <u>suis kawalan keluaran</u> , <u>penangkis kilat</u> , <u>pemanas (heater)</u> , <u>Jangka Ampiar</u> dan <u>Jangka Volt</u> .
	Peti Pembekal lampu jalan hendaklah mempunyai tapak setinggi 1.5 kaki dari aras tanah.
	Setiap pendawaian pada peti pembekal lampu jalan hendaklah menggunakan sistem penandaan bernombor termasuk kabel ke setiap lampu jalan.
	Setiap kabel lampu jalan yang masuk ke peti pembekal lampu jalan hendaklah dibuat tamatan pada plat peti pembekal lampu jalan dengan kemas dan betul.
	Setiap aksesori dalaman di dalam peti pembekal lampu jalan hendaklah dibuat penandaan.
	Peti pembekal lampu jalan dilengkapi dengan sistem penjimatan tenaga elektrik .
	Komponen elektrik dalaman peti pembekal lampu jalan hendaklah menggunakan Miniature Circuit Breaker (MCB) berkadar 16KA, satu kutub untuk litar utama dan suis penukar (Change-Over Switch) hendaklah mengemukakan saiz kadaran yang sesuai seperti contoh spesifikasi mengikut kehendak MPS.
	Mengemukakan cadangan pemasangan sistem senggara lampu jalan berkomputer.

## TIANG LAMPU JALAN

	Mengemukakan cadangan rekabentuk tiang lampu jalan berbentuk hiasan serta dilengkapi dengan logo MPS bersaiz A3 bagi jalan-jalan utama / tumpuan awam / jalan masuk ke taman perumahan / kawasan perniagaan dan sebagainya bagi lebar jalan 60' (Rizab Jalan).
	Mengemukakan cadangan rekabentuk tiang lampu jenis normal / biasa daripada jenis Semperitan Aluminium Aloi tanpa kaedah pematrian untuk jalan utama sahaja bagi lebar jalan 60' (Rizab Jalan).
	Tiang-tiang lampu hendaklah ditanda dengan no. peti pembekal lampu jalan. Fasa yang digunakan dan nombor tiang lampu seperti di Lampiran 1.
	Tiang-tiang lampu jalan di laluan utama / tumpuan awam / kawasan perniagaan hendaklah dilengkapi dengan palang tahan karat yang sesuai untuk pemasangan bendera (10' dari aras tanah).
	Tiang-tiang lampu hendaklah mempunyai pintu perkhidmatan berengsel jenis 'fiber glass'.
	Bagi kawasan-kawasan perumahan, kedai pejabat dan kilang hendaklah menggunakan tiang lampu jenis konkrit iaitu 'overhead cabel'.

## KABEL

	Kabel yang digunakan hendaklah daripada jenis 4 teras 16mm/25mm PVC/SWA/PVC.
	Kabel overhead adalah daripada jenis 2 teras 16mm.
	Laluan kabel yang merentangi jalan raya, sistem saliran, lorong atau laluan kenderaan hendaklah dilindungi dengan paip bergalvani (G.I) berukuran 100mm <sup>2</sup> atau 150mm <sup>2</sup> .
	Sistem pendawaian pada lampu jalan hendaklah berkonsepkan 3 fasa secara pemasangan selang-seli antara fasa tersebut dan ditunjukkan dengan jelas.
	Mengemukakan pemasangan kabel bawah tanah yang dilindungi paip HDPE 2 lapisan (layer) berdiameter 100mm pada laluan selain dari laluan di atas.
	Mengemukakan pemasangan konkrit bersaiz 200mm X 200mm X 200mm hendaklah dibuat pada kabel bagi jarak 6 meter dari tiang di bahagian kiri dan kanan tiang.

## RUANG PETUNJUK

	Hendaklah menyatakan dalam ruang petunjuk bilangan lampu-lampu cadangan mangikut kuasa, jenis dan ketinggian.
--	---

	Hendaklah menyatakan dalam ruang petunjuk jenis dan ukuran kabel.
--	---

	Hendaklah menyatakan dalam ruang petunjuk lebar jalan berturap.
--	---

	Hendaklah menyatakan dalam ruang petunjuk peti pengagih dan bilangan mengikut arus dan keluarannya.
--	---

	Hendaklah menyatakan dalam ruang petunjuk bilangan dan ukuran garis pusat paip bergalvani (G.I).
--	--

## LAIN-LAIN

	Bagi kawasan perumahan seperti Kos Rendah, Apartment, Kondominium, Pangsapuri, 'Town house', banglo dan kawasan berpagar 'gated community' adalah tidak akan di ambil alih lampu jalan kawasan tersebut.
--	--

	Sijil ujian dan penyiapan (Borang G & H) hendaklah dikemukakan sesalinan kepada MPS setelah kerja siap oleh Orang Kompeten yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga.
--	--

	Surat pengesahan penyeliaan kerja hendaklah ditandatangani oleh Orang Kompeten Penjaga Jentera Elektrik Kategori A1 dan ke atas seperti di Lampiran 2.
--	--

Petunjuk :

√	Telah dikemukakan
TB	Tidak Berkaitan

X	Tidak dikemukakan
---	-------------------

## MAKLUMAT PERMOHONAN

**No. Fail** : .....

**Tajuk Projek** : .....

.....

.....

.....

.....

**Pemaju** : .....

**Alamat Pemaju** : .....

.....

.....

.....

**No. Tel.** : ..... **No. fax** : .....

**Jurutera Perunding** : .....

**Alamat Jurutera Perunding** : .....

.....

.....

.....

**No. Tel.** : ..... **No. fax** : .....

**Kontraktor Elektrikal** : .....

**Alamat Kontraktor Elektrikal** : .....

.....

.....

.....

**No. Tel.** : ..... **No. fax** : .....

**Lokasi / Jalan & Nama Taman ( Mengikut Peti Pembekal Lampu Jalan )**

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

.....  
Tandatangan & Cop  
Pemaju / Pemilik

.....  
Tandatangan & Cop Pemohon  
/ Jurutera Perunding

.....  
Tandatangan & Cop Jawatan  
Pegawai Penerima

Tarikh : .....

Tarikh : .....

Tarikh : .....